

26/10/2002

MIC sokong bahasa Inggeris

KUALA LUMPUR, Jumaat - Jawatankuasa Kerja Pusat MIC (CWC) hari ini sebulat suara menerima cadangan kerajaan untuk melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris pada semua peringkat persekolahan mulai tahun depan.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata keputusan bertulis MIC untuk menerima pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris sudah disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, MIC mahu kerajaan memberi jaminan akan mengekalkan sekolah aliran Tamil manakala semua mata pelajaran lain terus menggunakan bahasa pengantar Tamil.

"Masa pengajaran dalam bahasa Tamil, yang kini tinggal kira-kira 56 peratus selepas Sains dan Matematik terkecuali, tidak boleh dikurangkan lagi supaya penguasaan bahasa ibunda pelajar dan kebudayaan mereka tidak terjejas.

"Pada masa yang sama, kerajaan tidak wajar mengambil guru dari luar, sebaliknya guru sekolah Tamil sedia ada perlu diberi bimbingan untuk mengajar kedua-dua mata pelajaran berkenaan dalam bahasa Inggeris.

"MIC juga mencadangkan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dilakukan dalam waktu persekolahan manakala pengajaran bahasa Inggeris dimulakan dari Tahun 1 dan bukan dari Tahun 3, seperti yang diamalkan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) sekarang," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat CWC di sini.

Samy Vellu juga memaklumkan bahawa mesyuarat CWC hari ini melantik Jawatankuasa Pemilihan Presiden yang dipengerusikan Tan Sri G Pasamanickam sebagai persediaan menghadapi pemilihan parti tahun depan di mana semua jawatan akan dipertandingkan.

Katanya, jawatankuasa berkenaan diberi tanggungjawab memastikan semua pemilihan peringkat cawangan, bahagian, negeri serta pusat dimulakan Februari depan dan diselesaikan sebelum perhimpunan agung parti pada Mei tahun depan.